Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

# Intelek Melayu perlu bersifat patriot—Sanusi

luar negeri hendaklah mempunyai semangat patriot untuk belajar bersungguh-sungguh.

Katanya, pelajar-pelajar hendaklah mengelakkan sebarang kegiatan yang merugikan diri sendiri di samping menghancurkan masa depan mereka.

"Mereka perlulah memikirkan kesusahan kerajaan menghantar mereka ke luar negeri dan harapan ibu bapa mereka bila mereka pulang nanti," katanya.

Beliau juga menarik perhatian bahawa setiap pelajar mestilah mempunyai angan-angan 'Mat Jenin'.

Katanya, Mat Jenin hidup bukan mati sebagai cerita yang kita dengar hari ini.

"Ia sengaja dibuat sebagai usaha membunuh semangat orang Melayu supaya jangan berangan-angan terlalu tinggi.

"Sebenarnya Mat Jenin tidak jatuh dari pokok kelapa tetapi memeluk tunggul bila mimpi berkahwin dengan puteri raja. Tak kan orang yang berkahwin dengan puteri raja menolak, ia mesti memeluknya, bukan," tambahnya disambut dengan gelak ketawa.

Menteri itu juga menasihatkan pelajar-pelajar berkenaan rajin membaca kerana katanya, "Dengan banyak membaca ia menambahkan pengetahuan dan mengetahui lebih banyak perkara baru."